


## BAB 4 LAKARAN


### 4.1.1 Peranan Lakaran dalam Reka Bentuk



Padankan peranan lakaran dengan pernyataan yang betul.

| Peranan Lakaran                   | Pernyataan                                                                                                                                                                               |
|-----------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Mempercepatkan pembangunan konsep | Kaedah pantas untuk menunjukkan komposisi asas/perancangan ilustrasi awal bagi menghasilkan lakaran ringkas.                                                                             |
| Asas komposisi untuk ilustrasi    | Kaedah terbaik untuk meneroka konsep bagi menunjukkan gambaran pereka dan dapat menjimatkan masa pereka.                                                                                 |
| Medium komunikasi pelanggan       | Diperincikan dengan menambah pelbagai elemen, prinsip dan bahan yang digunakan bagi memudahkan pereka melakukan proses pembangunan reka bentuk.                                          |
| Eksplorasi visual                 | Dapat menunjukkan imej mengikut kehendak pelanggan untuk pertimbangan dan persetujuan sebelum ke peringkat lakaran akhir.                                                                |
| Penyelesaian perincian visual     | Digunakan sebagai catatan aktiviti dan eksplorasi pereka dan boleh digunakan bagi tujuan memperkembangkan idea sesuatu reka bentuk kepada pelbagai pilihan untuk dipilih oleh pelanggan. |

## Jenis-jenis lakaran



Pilih jenis lakaran berdasarkan pernyataan.

| Pernyataan                                                                                                                               | Jenis Lakaran |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| Lakaran ini digunakan untuk menunjukkan kesemua lakaran objek bermula daripada idea pertama hingga ke objek terakhir yang hendak dibuat. |               |
| Lakaran yang menggunakan alat (gajet) dan aplikasi perisian terkini.                                                                     |               |
| Lakaran perbandingan dengan produk sedia ada di pasaran dari segi evolusi (trend), bentuk, saiz, bahan dan sebagainya.                   |               |
| Lakaran yang tidak kemas dan tidak tersusun dan dilukis secara kasar apabila terketut sesuatu idea.                                      |               |
| Lakaran yang menggambarkan perincian seperti ukuran, ceraihan dan keratan rentas pada pelbagai sudut pandangan.                          |               |
| Lakaran yang membolehkan pelanggan memahami konsep rekaan yang ingin disampaikan oleh pereka.                                            |               |

